

13/03/2002

Isu tambak laut menuntut lebih ketelusan Singapura

HARI pertama daripada lawatan rasmi empat hari Lee Hsien Loong ke Malaysia nampaknya sudah menghasilkan sesuatu yang positif. Daripada isu menambak laut, terutama di Pulau Tekong dan Pulau Ubin, yang digambarkan sebagai lanjutan kepada 'trend' media Malaysia untuk memperburukkan Singapura, keadaan sebenar lebih jelas kini. Sekurang-kurangnya Timbalan Perdana Singapura itu dapat menyelami sendiri perhatian berat Malaysia terhadap isu berkenaan dan bukan sekadar digembar-gemburkan oleh media yang digambarkan memiliki agenda berbeza. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, turut membangkitkan perkara itu dalam pertemuan berasingan dengan Lee kelmarin untuk melenyapkan sebarang kesangsian.

Sejauh ini, tiada sesiapa pun yang mempertikaikan hak Singapura untuk memperluaskan kawasan daratannya dengan menebus guna tanah. Begitu juga tidak pernah Malaysia mendakwa kerja-kerja berkenaan melampaui garis sempadan republik berkenaan. Dalam pada itu, ia juga tidak dapat mengelakkan rasa curiga yang didasarkan kepada beberapa persoalan. Rasanya tidak salah untuk Ahli Parlimen kita bertanya kenapa Singapura memilih untuk menambak laut di sebelah utara kawasan perairan negara itu berbanding kawasan selatan yang tidak mengganggu kepentingan negara lain. Malaysia juga tidak harus dianggap menyibuk jika membangkitkan tanda tanya mengapa Singapura tidak memaklumkan rancangannya itu sebelum ia dilaksanakan hingga menimbulkan pertikaian kemudian.

Sudah menjadi resmi negara jiran, ada perkara yang perlu dirahsiakan dan ada pula yang menuntut lebih ketelusan. Bagaimanapun, dalam soal membabitkan tebus guna tanah yang dipercayai turut memberi kesan kepada ekonomi dan ekologi negara paling berdekatan, kebimbangan Malaysia bukan tidak berasas. Sekurang-kurangnya Lee memberi jaminan segala perhatian berat Malaysia akan dikaji jika nota bantahan dikemukakan. Itulah langkah paling bertepatan yang wajar dilakukan Malaysia. Berbeza daripada pandangan Lee, kita berasakan sesuatu isu itu tidak menjadi besar hanya kerana ia dimainkan media. Sebaliknya, ia hanya mendapat liputan besar-besaran jika sesuatu isu itu sudah sememangnya besar hingga mendapat perhatian kepimpinan tertinggi negara.

Setakat ini, jawatan kuasa pelbagai agensi kerajaan mengenai isu itu yang turut dianggotai Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Kerajaan Negeri Johor dan Jabatan Laut, sudah melakukan kajian awal. Antara rumusannya ialah penambakan laut oleh Singapura boleh menyebabkan laluan kapal semakin cetek dan sempit sehingga kapal besar, yang kini boleh menggunakan perairan Malaysia ke Pelabuhan Tanjung Pelepas, mungkin beralih ke republik itu. Kesan lain ialah arus semakin kuat kerana perairan bertambah sempit, berlaku pergerakan pasir di dasar laut sehingga menjadi cetek, dan kemusnahan tumbuhan serta hidupan laut hingga menjejaskan pendapatan nelayan Johor. Apakah kenyataan Singapura bahawa ia tidak menjejaskan sistem ekologi cukup untuk menidakkan semua itu?

Malaysia mempunyai prinsip untuk sentiasa menghormati jiran. Dalam berpendirian demikian, tiada salahnya untuk negara ini mengharap jirannya melakukan perkara yang sama. Namun, dalam banyak pertikaian pada masa lalu, seolah-olah Malaysia saja yang perlu mengalah dan memberi laluan. Begitu juga berkaitan isu penambakan laut, persefahaman Singapura sangat dituntut. Andainya sebarang perkara yang membabitkan kepentingan kedua-dua negara dilakukan dengan rasional dan terancang, bukan saja

pertikaian boleh dielakkan, malah manfaatnya juga boleh dinikmati bersama.  
(END)